



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGUASAAN JOSHI “DE” DAN “NI” BAHASA JEPUN DALAM
KALANGAN PELAJAR BAHASA JEPUN DI MALAYSIA***

Mohd Salleh bin Wasik

FBMK 2017 49



**PENGUASAAN *JOSHI* “DE” DAN “NI” BAHASA JEPUN DALAM
KALANGAN PELAJAR BAHASA JEPUN DI MALAYSIA**

Oleh

MOHD SALLEH BIN WASIK

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

April 2017



© COPYRIGHT UPM

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Telah 170 kali Bukit Broga didaki, 13 kali puncak Gunung Santubong ditawan dan gigih meneruskan langkah menawan puncak Gunung Kinabalu dengan jayanya, manakan boleh kulupakan wajah dan jasa insan-insan tersayang di sebalik pelbagai kejayaan manis hinggakan boleh menyiapkan tesis ini khasnya untuk ;

Isteri tercinta yang tidak putus-putus memberikan sokongan,

Sayangku **Wan Zuraini Binti Wan Zulkifli**

dan

Anak-anak tersayang,

Balqis Umairah (8 tahun), Nur Batrisya (6 tahun),

Muhammad Amsyar (4 tahun) dan Arissa Sofia (*baby*).

Juga jutaan terima kasih buat pensyarah-pensyarah yang tidak pernah jemu membimbing dan membantu dari awal hingga akhir khususnya Dr Zaid Mohd Zin selaku penyelia utama tesis, juga sokongan dan bantuan daripada Dr Rohaidah Kamaruddin selaku penyelia kedua tesis, panel pemeriksaan tesis, sokongan kuat daripada mantan pensyarah ; Pn Amanah Mohd Noor, rakan setugas ; Dr.Radna dan Dr. Sara, sahabat guru bahasa Jepun yang banyak memberi sokongan ; Margaret Anthony, ahli keluarga, rakan-rakan khususnya BHF, dan sesiapa sahaja yang sentiasa menyokong serta mendoakan kejayaan saya.

Jutaan terima kasih sekali lagi atas sokongan dan doa kalian yang telah menjadi penawar dan madu dalam kembara ilmu ini.

Semoga Allah membalas segala jasa baik yang telah kalian berikan.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGUASAAN *JOSHI* “DE” DAN “NI” BAHASA JEPUN DALAM
KALANGAN PELAJAR BAHASA JEPUN DI MALAYSIA**

Oleh

MOHD SALLEH BIN WASIK

April 2017

Pengerusi : Zaid Bin Mohd Zin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Joshi dalam bahasa Jepun memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan perkataan bagi membina ayat yang sempurna. Mizutani (1987) menyatakan bahawa pelajar asing mudah membuat silap dan sukar membezakan *joshi* “de” dan “ni” kerana ia mempunyai fungsi yang hampir sama. Tambahan lagi, berdasarkan tinjauan literatur, didapati penggunaan *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun mempunyai peratusan kesilapan yang tinggi dalam kalangan pelajar. Di antara punca kesilapan yang dikenalpasti adalah kekeliruan pelajar terhadap fungsi *joshi* bahasa Jepun tersebut yang bersifat fleksibel dan kecenderungan pelajar berfikir dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun dan fungsinya berdasarkan buku teks bahasa Jepun, menganalisis tahap pencapaian pelajar terhadap *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun dan menghuraikan bentuk kesalahan pelajar berdasarkan teori perbandingan bahasa yang dibawa oleh Robert Lado berdasarkan soal selidik. Kajian ini berlandaskan teori linguistik kontrastif oleh Lado (1957) yang menyatakan bahawa pengaruh budaya serta bentuk makna bahasa ibunda mempengaruhi pembelajaran bahasa asing. Data untuk kajian ini adalah berdasarkan hasil penelitian terhadap buku teks bahasa Jepun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan soal selidik yang dijalankan ke atas 42 orang pelajar bahasa Jepun daripada sekolah menengah yang terpilih yang menawarkan pembelajaran subjek bahasa Jepun. Penganalisan data adalah secara kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *joshi* “de” mempunyai 9 fungsi dan *joshi* “ni” mempunyai 29 fungsi dalam buku teks bahasa Jepun KPM. Terdapat 9 soalan yang mempunyai peratusan kesalahan melebihi daripada 50% dalam kalangan 42 responden terhadap ujian *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun. Kemudian, bentuk kesalahan adalah keliru dengan *joshi* “de” dan “ni” yang mempunyai maksud sama dengan kata sendi nama “di” bahasa Melayu serta mudah keliru dengan *joshi* “de” dan “ni” yang tiada makna dalam bahasa Melayu. Kajian ini dapat memberikan panduan kepada komuniti pendidikan bahasa Jepun di Malaysia khususnya guru bahasa Jepun dalam membuat persiapan pengajaran untuk meningkatkan kemahiran pelajar menguasai bahasa Jepun.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**THE MASTERY OF *JOSHI* “DE” AND “NI” IN JAPANESE LANGUAGE
AMONG JAPANESE LANGUAGE STUDENTS IN MALAYSIA**

By

MOHD SALLEH BIN WASIK

April 2017

Chairman : Zaid Bin Mohd Zain, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

In Japanese prepositions, *joshi* play an important role in connecting words to build grammatical sentences. Mizutani (1987) stated that foreign students are prone to make mistakes and have difficulties differentiating between “de” and “ni” because they share similar functions. Furthermore, a literature review found that students experience a high percentage of mistakes while using the *joshi* “de” and “ni”. Contributing factors to mistakes in usage include student confusion concerning the flexible function of Japanese *joshi* and the influence of Malay as their mother tongue. The objectives of this study are to clarify the functions of *joshi* “de” and “ni” in Japanese based on the Japanese language text book, to analyse the level of students’ achievement of *joshi* “de” and “ni” in Japanese and to explain the types of students’ error based on Robert Lado’s Contrastive Analysis Theory based on the questionnaire. This study is based on the contrastive linguistic theory by Lado (1957), which states that cultural influence and mother language definitional forms can affect foreign language learning. The results of the study are based on observations of a Japanese language text book produced by the Ministry of Education and a survey of 42 Japanese language students in selected secondary schools offering the Japanese language subject. The data was analysed using a qualitative and quantitative method. The findings showed *joshi* “de” has 9 functions and *joshi* “ni” has 29 functions based on the Japanese language text book published by the Malaysian Ministry of Education. There are 9 questions with error exceeding 50% among 42 respondents who sat for the *joshi* “de” and “ni” test and type of errors are the confusion between *joshi* “de” and “ni” which has the same meaning with the preposition “di” in the Malay language and also a further confusion with *joshi* “de” and “ni” which has no meaning in the Malay language. This study will provide guidelines to the Japanese language education community in Malaysia, especially Japanese language teachers, to improve teaching preparations and enhance student skills in mastering Japanese.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kasih sayang daripada Nya dapatlah saya menyempurnakan tesis ini dalam masa dua tahun sebagai salah satu syarat pengajian di peringkat master.

Terlalu banyak ilmu, kemahiran dan pengalaman yang saya lalui sepanjang belajar dua tahun di Universiti Putra Malaysia yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan khususnya dalam dunia penulisan ilmiah. Untuk itu, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, Dr. Zaid Bin Mohd Zin atas tunjuk ajar, sokongan, motivasi dan bimbingan yang luar biasa sepanjang saya menjalankan kajian dan menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga, jutaan terima kasih kepada Dr. Rohaidah Binti Kamaruddin selaku Penyelia Tesis kedua yang turut memberikan bantuan, bimbingan dan motivasi yang kuat untuk memastikan saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, terima kasih yang tidak terhingga buat isteri tersayang, Wan Zuraini Binti Wan Zulkifli yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan motivasi dari awal hingga akhir pengajian. Begitu juga dengan curahan kasih sayang daripada anak-anak tercinta yang menjadi sumber kekuatan saya untuk terus bersemangat menyiapkan tesis. Jutaan terima kasih juga kepada pihak Bahagian Tajaan Pendidikan, KPM atas peluang Hadiah Latihan Persekutuan yang diberikan, pihak Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) serta Sekolah Berasrama Penuh yang telah memberikan kerjasama untuk menjalankan penyelidikan.

Seterusnya, terima kasih juga kepada rakan-rakan, mantan pensyarah, kenalan dan keluarga tersayang atas sokongan moral, tunjuk ajar dan doa yang diberikan sehinggalah saya berjaya hingga ke tahap ini.

Semoga Allah merahmati dan membalas budi baik kepada semua pihak yang telah membantu dan memberikan sokongan kepada saya selama ini

Terima kasih buat semua.

MOHD SALLEH BIN WASIK
GS 41971

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14 April 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Salleh bin Wasik bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penguasaan *Joshi* "De" dan "Ni" Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ab Halim bin Mohamed, PhD


Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roslina binti Mamat, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zoraida Mustafa, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Sains Islam Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Ogos 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaid Bin Mohd Zin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rohaidah Binti Kamaruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya mengakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosoding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat tu pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohd Salleh Bin Wasik (GS 41971)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa;

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Zaid Bin Mohd Zin

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Rohaidah Binti Kamaruddin

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Batasan Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	7
1.9 Organisasi Kajian	8
1.10 Kesimpulan	9
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Teori Linguistik Kontrastif	10
2.3 Kajian <i>Joshi</i> Bahasa Jepun	12
2.4 Kesimpulan	20
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	21
3.2 Reka Bentuk Kajian	21
3.3 Sampel Kajian	21
3.4 Prosedur Kajian	21
3.5 Instrumen Kajian	22
3.6 Kajian Rintis	22
3.7 Analisis Kajian	22
3.8 Kerangka Teori	23
3.9 Kerangka Konseptual	25
3.10 Kesimpulan	26
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	27
4.2 <i>Joshi</i> “de” dan “ni” Bahasa Jepun dan Fungsinya berdasarkan Buku Teks Bahasa Jepun	27

4.3	Analisis Tahap Pencapaian Pelajar Terhadap <i>Joshi</i> “de” dan “ni” Bahasa Jepun Berdasarkan Soal Selidik.	34
4.4	Bentuk Kesalahan Pelajar Berdasarkan Teori Perbandingan Bahasa yang dibawa oleh Robert Lado Berdasarkan Soal Selidik.	42
4.5	Kesimpulan	52
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	53
5.2	Rumusan Pencapaian Objektif Kajian	53
5.3	Rumusan Rasional Teori	57
5.4	Cadangan Pembelajaran <i>Joshi</i> Bahasa Jepun dan Kajian Akan Datang	58
5.5	Kesimpulan	59
	BIBLIOGRAFI	61
	LAMPIRAN	65
	BIODATA PELAJAR	88
	SENARAI PENERBITAN	89

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Sampel buku teks bahasa Jepun terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia	7
2	Fungsi <i>joshi</i> “de” dalam buku teks bahasa Jepun Kementerian Pendidikan Malaysia	30
3	Fungsi <i>joshi</i> “ni” dalam buku teks bahasa Jepun Kementerian Pendidikan Malaysia	31
4	Profil sampel kajian	34
5	Kesilapan responden dalam ujian <i>joshi</i> bahasa Jepun	36
6	Statistik deskriptif (SPSS) responden terhadap ujian <i>joshi</i> bahasa Jepun	37
7	Analisis pendapat responden terhadap pembelajaran <i>joshi</i> “de” dan “ni” bahasa Jepun dan kata sendi nama bahasa Melayu	38
8	Pendapat terbuka responden terhadap pembelajaran <i>joshi</i> “de” dan “ni” bahasa Jepun	40
9	Cadangan penyelesaian masalah pembelajaran <i>joshi</i> “de” dan “ni” bahasa Jepun	42
10	Rumusan bentuk kesalahan mengikut nombor soalan ujian	48

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka teori	23
2	Kerangka konseptual	25
3	Analisis keseluruhan pencapaian responden dalam 15 soalan ujian <i>joshi</i> bahasa Jepun	35
4	Masalah responden terhadap pembelajaran <i>joshi</i> “de” dan “ni”	41
5	Hubungan <i>joshi</i> “de” bahasa Jepun dengan kata tugas bahasa Melayu	54
6	Hubungan <i>joshi</i> “ni” bahasa Jepun dengan kata tugas bahasa Melayu	55

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Jepun merupakan salah satu bahasa asing yang ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Harian yang terpilih. Mempelajari bahasa asing selain daripada bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua memerlukan usaha yang lebih dan kefahaman yang jelas kerana terdapat banyak peraturan dalam tatabahasa. Dalam pembelajaran bahasa Jepun, *joshi* adalah amat penting kerana ia mempunyai pelbagai fungsi yang berbeza.

Joshi yang mempunyai kemiripan maksud dengan kata sendi nama dalam bahasa Melayu merupakan salah satu aspek yang sukar dikuasai oleh para pelajar bahasa Jepun. Ini dapat ditunjukkan dalam kajian yang dijalankan oleh para sarjana seperti Choong Pow Yean (2006) dan Noor Aizah Abas (2009) di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Zoraida Mustafa (2009) dan Ong Shyi Nian (2014) di Universiti Malaya (UM) yang menggunakan sampel pelajar bahasa Jepun di universiti telah mengenalpasti kesilapan para pelajar dalam penggunaan *joshi* “de” dan “ni” adalah tinggi.

Bagaimanapun, kajian berkenaan *joshi* dalam kalangan pelajar sekolah masih tidak banyak dijalankan. Lantaran itu, kajian penguasaan *joshi* bahasa Jepun dalam kalangan pelajar bahasa Jepun di perlu dilaksanakan. Kajian ini adalah perlu supaya pencapaian pelajar terhadap pembelajaran *joshi* bahasa Jepun dapat dinilai seterusnya masalah yang dihadapi oleh mereka dapat dikenalpasti.

Sehubungan dengan itu, di dalam bab ini, latar belakang kajian, sejarah pendidikan bahasa Jepun di sekolah-sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia, pernyataan masalah dan persoalan kajian, objektif dan kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional serta organisasi kajian akan dibincangkan secara terperinci.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembelajaran bahasa Jepun di Malaysia telah bermula lebih tiga dekad yang lalu dan menjadi satu aspirasi kerajaan melalui program Dasar Pandang ke Timur. Dasar yang diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri ke-empat, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 8 Februari 1982 semasa persidangan *5th Annual Conference of MAJECA/JAMECA* di *Hilton Hotel*, Kuala Lumpur ini memfokuskan dua buah negara terbaik di timur iaitu Jepun dan Korea yang boleh menjadi contoh dan teladan untuk mempelajari budaya hidup dan etika kerja mereka bagi melahirkan lebih ramai rakyat Malaysia yang mempunyai nilai dan etika kerja yang positif untuk memajukan negara.

Dari segi sejarah, bermula daripada tahun 1966, pendidikan bahasa Jepun telah pun dimulakan di Universiti Malaya. Kemudian, apabila Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan, terdapat pelbagai program akademik dan teknikal telah dilaksanakan yang memberikan fokus utama kepada pendidikan bahasa Jepun dalam setiap program.

Pada tahun 1982, program Rancangan Persediaan Khas ke Jepun (RPKJ) telah dimulakan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan kemudiannya dipindahkan ke Pusat Asasi Sains Universiti Malaya. Persediaan ini dijalankan selama tempoh dua tahun dan kemudian pelajar dihantar ke universiti-universiti nasional di Jepun di peringkat ijazah pertama.

Kemudian, pada tahun 1983 Pusat Persediaan Kajian Teknikal Jepun (PPKTJ) telah dibuka di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Setelah dua tahun menjalani program persediaan, pelajar di hantar ke kolej-kolej teknikal di Jepun selama tiga tahun di peringkat diploma.

Pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1984, bahasa Jepun telah dimulakan di beberapa Sekolah Berasrama Penuh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai subjek pilihan.

Seterusnya, pada tahun 1990, Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah unit Dasar Pandang ke Timur telah menghantar guru-guru yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengikuti pengajian di peringkat sarjana muda dalam bidang pendidikan bahasa Jepun di universiti-universiti di Jepun.

Pada tahun 1998, program Sarjana Muda Bahasa Moden (Pengkhususan Bahasa Jepun) telah dimulakan di Universiti Malaya. Kemudian, pada tahun 2004, bahasa Jepun sebagai bahasa elektif telah diperkenalkan di Sekolah Harian (SH) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada tahun 2005, kursus latihan pendidikan guru bahasa Jepun mula dilaksanakan di Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa (IPBA) selama satu tahun. Setelah tamat kursus di IPBA, kursus diteruskan selama dua bulan di Jepun dibawah kelolaan *The Japan Foundation*.

Pada tahun 2009, program *Japan Associate Degree* (JAD) telah dilaksanakan di Universiti Selangor (UNISEL) yang mana program tersebut merupakan kesinambungan program yang telah berjalan sejak 1993 di *Japan Matriculation Center* (JMC), Bandar Baru Bangi di bawah tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Kemudian, pada tahun 2010, program persediaan pelajar ke Jepun (*Japanese Top Universities Foundation Program* (JTU) di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah diwujudkan.

Bahasa Jepun merupakan bahasa asing yang popular di Malaysia dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat dibuktikan dengan data perangkaan yang dikeluarkan oleh *The Japan Foundation* (2011), iaitu pada tahun 2009, seramai 22,856 orang rakyat Malaysia termasuk pelajar-pelajar di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia mempelajari bahasa Jepun. Di mana, dalam tahun tersebut sebanyak 72 buah sekolah menengah di Malaysia terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun iaitu 43 buah dari Sekolah Berasrama Penuh dan 29 buah dari Sekolah Harian (Bernama, 2009).

Kemudian, pada tahun 2012, bilangan individu yang mempelajari bahasa Jepun di Malaysia ini telah bertambah kepada 33,077 orang, menjadikan Malaysia negara ke 9 dalam *ranking* dunia untuk pendidikan bahasa Jepun berbanding tempat ke 11 pada tahun 2009 (*The Japan Foundation*, 2013).

Mutakhir ini, pendidikan di Malaysia menekankan penguasaan bahasa asing sebagai bahasa ketiga melalui subjek elektif bermula daripada pembelajaran di sekolah menengah terpilih khususnya Sekolah Berasrama Penuh, peringkat universiti dan program-program persediaan pelajar ke Jepun. Semua program ini telah bermula semenjak Dasar Pandang Ke Timur diperkenalkan bermula tahun 1982 lagi untuk menjadikan negara-negara di Asia Timur khususnya negara Jepun dan Korea sebagai contoh untuk mempelajari teknologi serta amalan budaya kerja yang baik (Tun Dr Mahathir, 1982).

Tambahan lagi, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2015 berhasrat ingin melahirkan lebih ramai rakyat Malaysia yang boleh menguasai bahasa asing termasuklah bahasa Jepun selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, 2012).

Para pelajar di Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Harian terpilih yang mempelajari bahasa Jepun sebagai subjek elektif menggunakan buku teks bahasa Jepun yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula daripada buku teks tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Pembelajaran dan pengajaran bahasa Jepun ini menekankan penguasaan *moji* [文字] (tulisan) yang terdiri daripada tiga jenis tulisan iaitu *hiragana* [ひらがな], *katakana* [カタカナ] dan *kanji* [漢字]. Seterusnya, pelajar akan mempelajari *joshi* [助詞] (kata sendi nama), *meishi* [名詞] (kata nama), *doushi* [動詞] (kata kerja) dan *keiyoushi* [形容詞] (kata adjektif). Selain itu, para pelajar juga didedahkan kepada sejarah, budaya dan masyarakat serta kemahiran komunikasi dalam bahasa Jepun.

Bahasa Jepun seperti bahasa-bahasa lain, mempunyai kata sendi nama atau dikenali sebagai *joshi* yang mempunyai fungsi penting dalam pembentukan ayat (Sugihartono, 2001). Contoh *joshi* dalam bahasa Jepun adalah seperti “de”, “ni”, “to” dan sebagainya. *Joshi* dalam bahasa Melayu dikenali sebagai “kata sendi nama” dan ada juga takrifan sebagai “partikel”. Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata

nama atau frasa nama untuk menerangkan kata nama atau frasa nama tersebut. Kata sendi nama mempunyai tugas dan fungsi yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan tertentu (Nik Safiah Karim, 2015; Arbak Othman, 1981)

Berdasarkan kajian lampau yang menggunakan sampel pelajar-pelajar bahasa Jepun di universiti, pencapaian pelajar terhadap penguasaan *joshi* “de” dan “ni” adalah di tahap sederhana dan masih terdapat kesilapan dalam penggunaan *joshi* tersebut. Kajian *joshi* “de” dan “ni” yang akan dijalankan di sekolah ini adalah sangat penting untuk memahami fungsi sebenar *joshi* tersebut berdasarkan buku teks bahasa Jepun terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya, dapat mengetahui penguasaan *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun dalam kalangan pelajar bahasa Jepun.

1.3 Permasalahan Kajian

Mempelajari bahasa Jepun bukanlah mudah kerana terdapat banyak penggunaan *joshi* iaitu kata sendi nama yang sama tetapi mempunyai pelbagai fungsi yang perlu diberikan perhatian. Berdasarkan data yang dikumpul oleh Elizabeth (2009), didapati terdapat 15 fungsi *joshi* “ni” dan 7 fungsi *joshi* “de” bahasa Jepun dalam ketiga-tiga buah buku yang digunakan pelajar bahasa Jepun iaitu buku “*Minna no Nihongo I*”, “*Minna no Nihongo II*” dan “*New Approach Japanese Intermediate Course*”. Selain itu, Kenneth Yasuhiro Keynes Panelewen (2015) dalam penelitian terhadap cerita “Momotaro” telah menemukan 10 fungsi *joshi* “ni” bahasa Jepun. Fungsi *joshi* “de” dan “ni” yang bersifat fleksibel ini menjadi salah satu sebab pelajar bahasa Jepun mudah keliru dan menghadapi masalah dalam pembelajaran *joshi* bahasa Jepun. Oleh itu, kajian ini wajar dijalankan bagi mengisi lompong kosong meneliti *joshi* “de” dan “ni” dan fungsinya berdasarkan buku teks bahasa Jepun terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia yang masih baharu digunapakai dalam lingkungan 5 tahun.

Kajian lampau berkenaan *joshi* bahasa Jepun yang dilaksanakan lebih memfokuskan lokasi kajian di universiti dan melibatkan sampel pelajar universiti seperti kajian yang dijalankan oleh Choong Pow Yean (2006) dan Noor Aizah Abas (2009) di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM), Zoraida Mustafa (2009) dan Ong Shyi Nian (2014) di Universiti Malaya (UM). Zoraida Mustafa (2009) dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapat lebih 70 kesilapan pelajar lakukan dalam penggunaan *joshi* bahasa Jepun antaranya penggunaan *joshi* “ni”. Tambahan lagi, Lispridona (2013) dalam kajiannya yang melibatkan pelajar universiti menunjukkan bahawa masih terdapat kesalahan dalam penggunaan *joshi* “de” dan “ni” khususnya yang melibatkan penggunaan “tempat”. Untuk itu, oleh kerana kajian lampau banyak menggunakan sampel pelajar universiti, adalah wajar dan perlu kajian ini dilaksanakan di sekolah menengah khususnya Sekolah Berasrama Penuh Kementerian Pendidikan Malaysia yang melibatkan sampel pelajar-pelajar sekolah menengah yang mempelajari bahasa Jepun supaya dapatan kajian lebih bersifat menyeluruh dan pengumpulan data lebih pelbagai.

Lado (1957) dalam teori linguistik kontrasif menyatakan bahawa aspek perbezaan yang ketara antara bahasa ibunda dengan bahasa kedua menyebabkan kesukaran pelajar untuk menguasai pembelajaran bahasa kedua kerana keliru dan mudah melakukan

kesalahan. Ini adalah kerana pengaruh budaya serta bentuk dan makna bahasa ibunda banyak memainkan peranan dalam pembelajaran bahasa asing. Seterusnya, beliau juga ada menyatakan bahawa semakin besar jurang perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa kedua ataupun bahasa sasaran yang ingin dipelajari, semakin sukar pemerolehan bahasa kedua tersebut kerana pelajar akan mudah membuat silap kerana pemindahan budaya dan makna natif berlaku kepada bahasa sasaran tersebut.

Dalam kajian Ong Shyi Nian (2014) dinyatakan bahawa antara faktor yang mendorong pelajar melakukan kesalahan tatabahasa adalah faktor bahasa ibunda iaitu sebanyak 60% dan pelajar mudah keliru dalam penggunaan *joshi* “ni”. Oleh itu, berdasarkan teori ini, kajian wajar dijalankan untuk melihat bentuk kesalahan pelajar dalam penggunaan *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun.

1.4 Persoalan Kajian

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan mengenai pembelajaran *joshi* “de” dan “ni” seperti berikut ;

- 1.4.1 Apakah *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun dan bagaimana fungsinya?
- 1.4.2 Sejauh manakah pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun dapat menguasai *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun ?
- 1.4.3 Sejauh manakah teori Lado dalam mentafsirkan kesalahan pelajar terhadap *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun ?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai penguasaan *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun dalam kalangan pelajar yang memfokuskan kepada tiga objektif utama iaitu ;

- 1.5.1 Menjelaskan *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun dan fungsinya berdasarkan buku teks bahasa Jepun.
- 1.5.2 Menganalisis tahap pencapaian pelajar terhadap *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun.
- 1.5.3 Menghuraikan bentuk kesalahan pelajar berdasarkan teori perbandingan bahasa yang dibawa oleh Robert Lado berdasarkan soal selidik.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan nilai positif kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menambahkan lagi kajian ilmiah berkenaan bahasa Jepun. Ini adalah kerana, masih belum banyak kajian ilmiah berkenaan bahasa Jepun yang dilaksanakan untuk menjadi sumber rujukan Kementerian Pendidikan Malaysia serta kerajaan dalam merangka dasar-dasar pendidikan khususnya yang melibatkan bahasa Jepun.

Ini adalah bertepatan dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025 di mana kementerian berhasrat ingin

melahirkan ramai pelajar yang boleh menguasai bahasa asing sebagai aset pada diri dalam cabaran dunia global selain penguasaan bahasa Melayu serta bahasa Inggeris. Mengikut data yang dikeluarkan oleh *The Japan Foundation* (2012), bilangan individu yang belajar bahasa Jepun di seluruh Malaysia adalah seramai 33,077 orang. Ini menunjukkan bahawa ramai rakyat Malaysia yang mempunyai minat terhadap bahasa Jepun. Oleh yang demikian, melalui kajian ini, diharapkan ianya dapat memberikan informasi berkenaan pembelajaran *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun.

Seterusnya, bersandarkan laporan *The Japan Foundation* (2012) juga, bilangan tenaga pengajar bahasa Jepun di seluruh Malaysia adalah seramai 509 orang termasuk guru-guru bahasa Jepun di Sekolah Berasrama Penuh. Adalah menjadi satu keperluan bagi guru-guru bahasa Jepun untuk membuat analisis pencapaian pelajar dalam bahasa Jepun serta membuat kajian tindakan dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi sama ada dalam soal pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun.

Oleh yang demikian, melalui kajian ini, ia akan dapat membantu memberikan kefahaman kepada para guru untuk memahami *joshi* bahasa Jepun dengan lebih mendalam dan dapat membuat perancangan serta penambahbaikan dalam memastikan pelajar menguasai *joshi* bahasa Jepun tersebut.

1.7 Batasan Kajian

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, kajian ini meneliti dan menganalisis dua jenis sampel iaitu :

- (1) Soal selidik terhadap 42 orang responden
- (2) Buku teks bahasa Jepun terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia

Sampel pertama adalah merupakan 42 orang responden yang terdiri daripada pelajar bahasa Jepun tingkatan empat yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Manakala sampel yang kedua ialah buku teks bahasa Jepun Kementerian Pendidikan Malaysia yang digunapakai oleh semua pelajar bahasa Jepun.

Untuk tujuan kajian ini, semua kandungan buku teks daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima seperti pada jadual 1 di halaman berikut berkaitan *joshi* “de” dan “ni” diteliti dan dianalisis.

Sampel yang melibatkan 42 orang responden ini akan dijalankan di salah sebuah Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam Negeri Sembilan yang menawarkan subjek bahasa Jepun sebagai subjek elektif.

Jadual 1 : Sampel buku teks bahasa Jepun terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia

Bil	Buku Teks	Tahun Penerbitan	Penulis	Bab
1	Bahasa Jepun Tingkatan 1 にほんごだいすき <i>Nihongo Daisuki</i>	2010	Chin Siew Siew Mariana Binti Najmudin Hani Azita Binti Ahmad	1 – 9
2	Bahasa Jepun Tingkatan 2 にほんごだいすき <i>Nihongo Daisuki</i>	2011	Nur Anisah Tan Abdullah Hamir Habeed Mohd Hani Azita Binti Ahmad Nor Jihan Binti Abd Aziz	1 – 8
3	Bahasa Jepun Tingkatan 3 日本語 3年 <i>Nihongo San Nen</i>	2012	Lee Sau Lan Ooi Guan Lee Sugandaran a/l Kaivaliam	1 – 8
4	Bahasa Jepun Tingkatan 4 日本語 4年 <i>Nihongo Yo nen</i>	2014	Lee Sau Lan	1 – 8
5	Bahasa Jepun Tingkatan 5 日本語 5年 <i>Nihongo Go Nen</i>	2014	Jamila Binti Mohd, PhD Lee Sau San Ooi Guan Lee Kitade Rie	1 – 5

Kajian ini akan dijalankan berdasarkan prosedur seperti berikut :

- (i) Penelitian terhadap lima buah buku teks bahasa Jepun terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia yang digunapakai oleh para pelajar bahasa Jepun di Sekolah Berasrama Penuh. *Joshi* “de” dan “ni” disenaraikan dan dihuraikan fungsinya.
- (ii) Menjalankan soal selidik berkenaan *joshi* “de” dan “ni” kepada responden untuk melihat tahap penguasaan responden.
- (iii) Menganalisis data-data yang diperolehi hasil daripada penelitian teks dan soal selidik.

1.8 Definisi Operasional

Penguasaan

Berdasarkan Kamus Dewan (DBP, 2005) definisi “penguasaan” dinyatakan sebagai perihal menguasai atau menguasai. Kata akar bagi perkataan ini ialah “kuasa” yang membawa erti “daya atau kemampuan” untuk melakukan sesuatu. Jadi, untuk konteks kajian ini, penggunaan perkataan “penguasaan” adalah untuk melihat kemampuan pelajar bahasa Jepun dalam pembelajaran *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun.

Joshi “de” dan “ni” bahasa Jepun.

Takrifan *joshi* dalam bahasa Jepun adalah berfungsi untuk menghubungkan antara satu perkataan dengan perkataan yang lain dalam satu ayat, serta untuk menambahkan erti kata tersebut agar menjadi lebih jelas (Sudjianto, 2004). Antara *joshi* dalam bahasa Jepun yang mempunyai frekuensi penggunaan yang cukup tinggi dalam pembinaan ayat adalah *joshi* “de”, “ni”, “wo” dan “ga” yang dikelaskan ke dalam kumpulan *kakujoshi*. Menurut Sutedi (2007), *kakujoshi* merupakan kata bantu yang digunakan untuk menyatakan hubungan antara suatu perkataan dengan perkataan lainnya. Contoh *kakujoshi* adalah seperti [が] *ga*, [の] *no*, [を] *wo*, [に] *ni*, [へ] *e*, [と] *to*, [より] *yori*, [から] *kara*, [で] *dedan* [や] *ya*.

1.9 Organisasi Kajian

Tesis kajian penguasaan *joshi* “de” dan “ni” bahasa Jepun dalam kalangan pelajar bahasa Jepun ini mempunyai lima bab. Bab 1 membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian dan diakhiri dengan kesimpulan.

Seterusnya, Bab 2 akan menerangkan berkenaan sorotan literatur yang akan menerangkan teori linguistik kontrasif daripada pelbagai pandangan para sarjana berdasarkan kajian lampau dan membincangkan kajian lampau berkenaan bahasa Jepun seterusnya kesimpulan.

Bab 3 akan menerangkan berkenaan metodologi kajian iaitu menjelaskan dan memberikan penerangan berkenaan populasi kajian, sampel kajian, lokasi kajian, prosedur kajian, alat kajian, kajian rintis, analisis kajian, teori konseptual dan kerangka konseptual yang digunakan serta diakhiri dengan kesimpulan.

Bab 4 akan membincangkan dapatan dan analisis kajian berdasarkan ujian kefahaman *joshi*, soal selidik bersama 42 orang pelajar bahasa Jepun tingkatan empat yang terpilih dan penjelasan *joshi* “de” dan “ni” serta fungsinya berdasarkan penelitian buku teks bahasa Jepun tingkatan satu hingga 5 terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil analisis ini akan menjawab persoalan kajian dan pencapaian objektif dan membandingkan dengan hasil kajian yang telah dijalankan sebelum ini.

Bab 5 merupakan rumusan keseluruhan kajian, implikasi kajian terhadap pembelajaran bahasa Jepun dan beberapa penjelasan terhadap cadangan untuk kajian lanjutan dan diakhiri dengan kesimpulan keseluruhan.

1.10 Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan pada bab satu, bermula daripada pengenalan, latarbelakang kajian, permasalahan dan persoalan kajian, objektif kajian sehingga organisasi kajian telah dijelaskan. Seterusnya, pada Bab 2 pula akan membincangkan teori berkaitan kajian linguistik kontrasif dan dapatan kajian lampau berkenaan *joshi* bahasa Jepun.



BIBLIOGRAFI

- Arbak Othman.(1981).*Tatabahasa Bahasa Malaysia*.Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Bername Online.(2009).*Bahasa Jepun Sebagai Bahasa Ketiga*.3hb November).
- Chin Siew Siew.(2010).*Nihongo Daisuki Bahasa Jepun Tingkatan 1*.Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Choong Pow Yean.(2006).*Kesilapan Penggunaan Partikel “De”, “Ni” dan No” Bahasa Jepun Di Kalangan Pelajar Ijazah di UiTM*.Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan, UiTM, Shah Alam, Selangor.
- Clyne, M.(1967).*Transference and Triggering*.The Hague.Martinus Nijhoff.
- Romaine, Suzanne.(1995).*Bilingualism Second Edition*. Oxford UK & Cambridge USA : Blackwell
- Corder, S.P.(1973).*Introducing Applied Linguistics*.Harmondsworth:Penguin Education.
- Duskova, L.(1969).*Towards a General Comparative Linguistics*.The Hague : Mouton
- Ellis, J.(1966).*Towards a General Comparative Linguistics*.The Hague.Mouton.
- Elisa Carolina Marion.(2008).*Analisis Kesalahan Penggunaan Partikel “ni” dan “de”*. Jurnal Lingua Cultura.Universitas Bina Nusantara, Indonesia.
- Elizabeth.(2009).*Analisis Kontrasif Pemarkah Lokatif ‘di’ dalam Bahasa Indonesia dengan ‘ni’ dan ‘de’ dalam Bahasa Jepang*.Jurnal Bahasa dan Seni Vol 10 No. 2, Indonesia.
- Ferguson, C.(1962).*The Grammatical Structure of English and German*.Chicago : University of Chicago Press.
- Fisiak, Jacek. (1981). *The Grammatical Structure of English and German*.Chicago : University of Chicago Press.
- Fries, C.C. (1945). *Teaching and Learning English as a Foreign Language*.Chicago : University of Chicago Press.
- Haugen, E.(1956).*Bilingualism In The Americas : A Bibliography and Research Guide*.USA : Publication of American Dialect Society 26.
- Haryanti.(2009).*Sukoshi to Sukunai wa Dou Chigau?*.Jurnal Sastra Jepang. 1(2):1-10.
- Halijah Kechik@Mohamed Zain.(2010)*Penggunaan Kata Sendi Nama Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Universiti*.Universiti Putra Malaysia.

- Jamila Mohd.(2014).*Nihongo Daisuki Bahasa Jepun Tingkatan 5*.Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Dewan.(2005).Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kenneth Yasuhiro Keynes Panelewen (2015).*Analisis Makna Partikel “ni” Dalam Cerita “Momotaro” Karya Tsubota Jouji*. Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sam Ratulangi, Indonesia.
- Lado, Roberts.(1957).*Linguistics Across Culture*. Ann Arbor : University of Michigan Press.
- Lee Sau Lan. (2012). *Bahasa Jepun Tingkatan 3* . Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee Sau Lan.(2014).*Nihongo Daisuki Bahasa Jepun Tingkatan 4*.Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lispridona Diner. (2013). *Kesalahan Penggunaan Joshi Pada Pembelajaran Bahasa Jepang Tingkat Dasar*. Lembaran Ilmu Kependidikan. Fakultas Bahasa dan Sastra, Universitas Negeri Semarang, Indonesia.
- Mahathir Mohamad.(1982).*5th Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA*. Hotel Hilton, Kuala Lumpur.
- Mohd Salleh Wasik& Zaid Mohd Zain.(2015).*Analisis Kontrastif Bahasa Jepun Dengan Kata Adjektif Bahasa Melayu(Contrastive Analysis Of Adjectives In Malay And Japanese Language)*.Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun. Universiti Malaya.
- Mizutani O & Mizutani N.(1987).*How To Be Polite In Japanese (Nihongo no keigo)*.Tokyo.The Japan Times, Ltd.
- Nik Safiah Karim.(2015).*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*.Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nina Alia Ariefa.(2011).*Fungsi Partikel “de”, “ni” dan “wo” Pada Bahasa Jepang Tingkat Dasar dan Menengah*.Jurnal Nihongo, ISSN 2085-1251.
- Noor Aizah Abas.(2009).*Pembangunan Reka Bentuk Pengajaran Bahasa Jepun Dalam Talian*. Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI), Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Normalis Hamzah.(2008).*Unsur Budaya Dalam Terjemahan Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu : Analisis Karya Konosuke Matsushita*. Universiti Sains Malaysia.
- Nur Anisah Tan Abdullah.(2011).*Nihongo Daisuki Bahasa Jepun Tingkatan 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Ong Shyi Nian.(2014).*Analisis Kontratif dan Analisis Kesilapan Kata Sendi Nama Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun*. The 11th International Conference on Japanese Language Education in Malaysia and Urawa Teacher Training Program Reports.UniversitiMalaya.
- Ong Shyi Nian.(2015).*Memahami Penguasaan Kata Sendi Nama Bahasa Jepun Dalam Kalangan Pelajar Melayu : Satu Pendekatan Analisis Kesilapan (Understanding The Mastery Of Japanese Particles By Malay Learners : An Error Analysis Approach)*.Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun. Universiti Malaya.
- Selinker, Larry.(1966).*A Psycholinguistics Study of Language Transfer*.Georgetown University.
- Siti Zulaikha.(2015).*Analisis Kesalahan Penggunaan Partikel (Joshi) Pada Mahasiswa Semester Tiga*.Fakultas bahasa dan Seni, Universitas Negeri Semarang.
- Sri Aju Indrowaty & Sumarlam (2016). *Penggunaan Partikel Ha (は) Dalam Bahasa Jepang*. Universitas Brawijaya & Universitas Sebelas Maret Surakarta, Indonesia.
- Sudjianto & Ahmad Dahidi.(2004).*Pengantar Linguistik Bahasa Jepang*.Jakarta : Kesaint Blanc.
- Sugihartono.(2001).*Nihongo no joshi = partikel bahasa Jepang*. Humaniora Utama Press,Bandung, Indonesia.
- Sutedi, Dedi.(2007).*Nihongo Bunpou ; Tata Bahasa Jepang Tingkat Dasar*. Bandung : Humaniora
- The Japan Foundation.(2011).*Present Condition of Overseas Japanese-Language Education Survey Report on Japanese-Language Education Abroad 2009*.Fujitsu Research Institute, Japan.
- The Japan Foundation.(2013).*Survey Report on Japanese-Language Education Abroad 2012*.Fujitsu Research Institute, Japan.
- Titian Rostini.(2017).*Joshi Ni, De, dan O Sebagai Kategori Postposisional /Pemarkah Dalam Bahasa Jepang : Kajian Sintaksis dan Semantis*. Jurnal Kajian Bahasa, PusatPengembangan dan Pelindungan, Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Kementerian Pendidikan dan kebudayaan, Indonesia.
- Whorf, Benjamin Lee.(1956).Science And Linguistics.In J.Carroll (Ed), *Language, Thought And Reality : Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. Cambridge, MA :Massachusetts Institute of Technology Press.
- Yamaguchi, Matsumura.1998.*Kokugo Jiten*.Tokyo: Obunsha

Yuyun Rosliyah.(2013).*Tingkat Kesulitan Partikel Dalam Kalimat Bahasa Jepang Bagi Pembelajar Bahasa Inggris*. Lembaran Ilmu Kependidikan. Fakultas Bahasa Dan Sastra, Universitas Negeri Semarang, Semarang, Indonesia.

Zabroci , L.(1970).'*Grundfragen der konfrontativen Grammatik*' In *Problem der kontrastiven Grammatik*. Dusseldorf : Schwemm

Zoraida Mustafa.(2009).*Analisis Kesilapan Pelajar Melayu di dalam Karangan Bahasa Jepun : Satu Kajian Kes Ke atas Pelajar Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ)*.Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun. Universiti Malaya.

Wilkins, D.A.(1972).*Linguistics In Language Teaching*. Cambridge : MIT Press

<http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>(Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia)

SENARAI PENERBITAN

Jurnal Akademik

Mohd Salleh Wasik & Zaid Mohd Zin.(2015).*Analisis Kontrastif Kata Adjektif Bahasa Jepun Dengan Kata Adjektif Bahasa Melayu*.Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun.Universiti Malaya.Jilid 5, 2015.ISSN : 2180-2076.

Mohd Salleh Wasik & Zaid Mohd Zin.(2017). *Kesalahan Penggunaan Bahasa Hormat Sonkeigo-Kenjougō Bahasa Jepun*.Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun.Universiti Malaya. (telah diterima untuk penerbitan 2017)

Prosiding / Pembentangan

Mohd Salleh Wasik & Zaid Mohd Zin.(2015).*Analisis Kontrastif Kata Adjektif Bahasa Jepun Dengan Kata Adjektif Bahasa Melayu*.Seminar Penyelidikan Pendidikan MBM Peringkat Antarabangsa : 2-4 September 2015.IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak.

Mohd Salleh Wasik & Zaid Mohd Zin.(2015).*Analisis Kesalahan Kata Sendi Nama “de” dan “ni” Bahasa Jepun Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*.5TH Malaysia International Conference On Foreign Language (MICFL) : 2-3 Disember 2015.Parkroyal Hotel, Kuala Lumpur.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGUASAAN JOSHI "DE" DAN "NI" BAHASA JEPUN DALAM KALANGAN PELAJAR
BAHASA JEPUN DI MALAYSIA

NAMA PELAJAR : MOHD SALLEH BIN WASIK

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]